



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	3/6/2021	MUKA SURAT	:	19
JABATAN	:	TNB			

### TNB kongsi tip cara jimat elektrik ketika *total lockdown*

**KUALA LUMPUR** - Tenaga Nasional Bhd (TNB) berkongsi beberapa tip bagi menjimatkan penggunaan tenaga elektrik sepanjang tempoh Sekatan Pergerakan Penuh atau *total lockdown* di seluruh Malaysia yang bermula Selasa lalu.

Ketua Pegawai Runcit TNB, Datuk Megat Jalaluddin Megat Hassan dalam satu kenyataan pada Rabu berkata, semasa tempoh berkenaan, pengguna mempunyai cara untuk memantau dan menguruskan penggunaan peralatan elektrik di rumah bagi mengurangkan pembaziran tenaga.

"Bagi lebih 1.2 juta pelanggan TNB dengan pemasangan meter pintar, mereka boleh memanfaatkan data penggunaan elektrik harian menerusi aplikasi myTNB untuk memantau penggunaan tenaga elektrik di rumah.

"Pelanggan TNB juga dinasihatkan supaya mengamalkan beberapa langkah seperti menutup komputer selepas digunakan, berhenti mengecas komputer riba apabila kuasanya telah penuh, selain memastikan semua pintu dan tingkap ditutup semasa menggunakan



agar menetapkan penentu tempoh masa pada pendingin hawa bagi mengurus dan menjimatkan tenaga serta mencuci penapis pendingin hawa untuk mengoptimumkan proses penyejukan.

"Gunakan cahaya semula jadi sebaik mungkin bagi mengurangkan kos pencahayaan," kata beliau lagi.

Maklumat lanjut mengenai penggunaan elektrik dengan cara berjimat cermat boleh didapati di portal TNB <https://www.mytnb.com.my>.

Pengguna juga boleh memantau penggunaan tenaga semua peralatan elektrik secara terperinci menerusi MAEVi yang boleh dicapai menerusi <https://maevi.my/>

Bagi pertanyaan mengenai bil, orang ramai boleh menghubungi TNB CareLine dengan menelefon